KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2026

KKDW

TARIKH/MASA:

06 JANUARI 2026 (SELASA)

08:00 PAGI

TEMPAT:

DEWAN SERI LESTARI

ARAS B1, KKDW

PUTRAJAYA

Terima Kasih Saudara / Saudari Pengerusi Majlis,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Setiap kali kita melangkah ke tahun baharu, soalan yang sering bermain di fikiran kita bukan sekadar apa yang telah kita capai, tetapi apa yang masih belum kita lunaskan. Inilah soalan yang menuntut kejujuran, keberanian dan keinsafan sebagai penjawat amanah rakyat.

2. *As stated in the book* **Atomic Habits**, *"You do not rise to the level of your goals. You fall to the level of your systems."*

   Justeru, kita mesti berlaku adil kepada diri sendiri. Kejayaan tidak boleh dinilai pada niat semata-mata, tetapi pada sistem, disiplin dan cara kerja yang kita bina setiap hari.

3. Ya, terdapat banyak kejayaan yang boleh kita banggakan. Namun dalam perjalanan panjang membangunkan desa,

masih terdapat ruang untuk kita memperbaiki pelaksanaan dan memperkukuh keberkesanan. Pembangunan desa adalah usaha yang berterusan yang menuntut kesungguhan, kesabaran dan komitmen bersama. Pembangunan desa bukan perancangan sehari dua dan ia juga bukan sebuah perjalanan yang telah sampai penghujungnya.

4. **Dalam konteks semasa, jurang bandar dan desa tidak lagi terhad kepada aspek fizikal, tetapi turut melibatkan penjanaan pendapatan, kemahiran, peluang serta keyakinan rakyat desa**. Pada masa yang sama, perubahan pesat dunia akibat teknologi, ekonomi global, perubahan iklim dan mobiliti belia menuntut kita untuk sentiasa menilai semula pendekatan agar usaha yang dilaksanakan kekal relevan dan berimpak tinggi.

5. Oleh itu, pada awal bicara amanat ini, saya mengajak seluruh warga KKDW untuk menoleh sejenak ke belakang - bukan untuk menyalahkan sesiapa, tetapi untuk bermuhasabah secara jujur dan ikhlas.

Kita perlu bertanya dengan berani: *Adakah dasar yang kita gubal telah diterjemahkan sepenuhnya di akar umbi? Adakah pelaksanaan program tercapai matlamat asalnya?..* dan *Adakah penyampaian perkhidmatan kita*

benar-benar memberi impak sebenar kepada kumpulan sasar yang kita perjuangkan?

6. Jika ditanya kepada saya - **masih wujud dasar yang belum diterjemahkan sepenuhnya di lapangan**, masih ada program yang pelaksanaannya tidak cukup berkesan dan masih terdapat perkhidmatan yang belum benar-benar mengubah kehidupan rakyat desa seperti yang kita harapkan.

7. Namun, **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas, yang lemah diperbaiki, yang kurang diperhalusi.** Sejak saya menerajui kementerian ini selama hampir **38 bulan** yang lalu anda semua telah memberikan komitmen yang terbaik dalam menjayakan anjakan yang kita fikirkan bersama.

PENCAPAIAN KKDW 2025

Daripada Angka kepada Asas Perubahan

Hadirin sekalian,

8. Sebelum kita terus melangkah membicarakan masa depan, kita mesti berpijak pada realiti pencapaian yang telah kita bina. Pencapaian ini bukan sekadar angka, tetapi hasil kerja keras dan komitmen warga KKDW yang

memastikan dasar diterjemahkan menjadi perubahan sebenar di desa.

9. **Tahun 2025 merupakan tahun pembuktian**. Ia menjadi fasa penting penilaian *outcome* pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 dalam memastikan setiap program dan peruntukan benar-benar mengubah kehidupan rakyat desa.

10. Dari segi ketersambungan fizikal, asas pembangunan desa terus diperkukuh. Dengan peruntukan sekitar **RM2.47 bilion**, sebanyak **396 projek Jalan Luar Bandar (JALB)** telah dilaksanakan, memberi manfaat kepada hampir **1.2 juta penduduk**. Manakala **420 kilometer Jalan Perhubungan Desa (JPD)** dibina dan dinaik taraf, memudahkan pergerakan lebih **437,500 penduduk desa**.

11. Keperluan asas juga turut diperkasakan. **Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** memberi manfaat kepada **528 buah rumah** bagi penggunaan **3,000 isi rumah**, manakala **Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** memastikan **6,575 buah rumah** mendapat pencahayaan berterusan.

12. Melalui **Program Ameniti Sosial (PAMS)** pula, **278 projek** dilaksanakan dengan peruntukan **RM36.95 juta**, memberi manfaat kepada **69,500 penduduk**, sementara

1,910 unit Lampu Jalan Kampung telah dipasang dengan peruntukan **RM7.98 juta** bagi meningkatkan keselamatan komuniti desa.

13. Manakala, dalam aspek kesejahteraan rakyat, hampir **10,000 rumah PPRS** telah dibina dan dibaik pulih, memberi manfaat kepada hampir **40,000 penduduk desa**. Pendekatan bersepadu melalui latihan dan pembinaan insan turut menyumbang kepada penurunan kadar kemiskinan luar bandar daripada **12 peratus pada 2022 kepada 9.9 peratus pada 2024**.

14. Pembangunan modal insan terus menjadi teras. Kebolehpasaran graduan **TVET KKDW melebihi 97 peratus**, manakala **Program Tahfiz TVET** kepada **hampir 1,400 pelajar**, membuktikan kemahiran dan pembinaan sahsiah boleh bergerak seiring. **Program Pra-Tahfiz KEMAS** yang melibat **123,435 kanak-kanak**, dengan **44 peratus** daripada berjaya menguasai lebih **10 surah**, di samping peluasan **TABIKA Tunas Istimewa@KEMAS** di seluruh negara.

15. Kejayaan anak-anak desa dan komuniti Orang Asli yang **meraih pingat emas dan anugerah teknikal dalam Olimpiad Robot Antarabangsa di Australia dan Korea Selatan**, menewaskan peserta dari lebih **15 negara**,

membuktikan bakat desa mampu bersaing di pentas dunia.

16. Dalam ekonomi desa, inisiatif seperti **Gate to Global**, **RISSMart** dan **Wakaf MARA MADANI**, serta penglibatan kita di **MIHAS Shanghai** telah membuka pasaran baharu kepada usahawan luar bandar dan mengukuhkan industri halal negara.

17. Percayalah pencapaian-pencapaian ini **bukanlah penghujungnya**. Ia adalah **permulaan untuk kita bergerak lebih jauh**, kerana selagi desa belum benar-benar berubah, selagi itulah amanah kita belum selesai sepenuhnya.

TAHUN BAHARU 2026: ANJAKAN PEMIKIRAN KKDW

Cara Fikir Baharu, Cara Kerja Baharu

Hadirin yang dihormati,

18. Jika kita benar-benar mahu membawa pembangunan desa ke tahap yang lebih tinggi, kita mesti berani mengubah cara berfikir, memperbaharui cara bekerja dan meninggalkan zon selesa. **Tanpa anjakan minda dan sistem kerja yang betul**, **perubahan hanya akan berlegar pada rutin and *routine will not lead to transformation.***

19. Perubahan sebenar tidak berlaku kerana niat yang baik semata-mata, tetapi kerana **sistem yang jelas, disiplin pelaksanaan dan konsistensi dalam tindakan**. Maka, anjakan yang kita perlukan hari ini bukan sekadar menambah program, tetapi memperkemas cara kita merancang, melaksana dan menilai keberhasilan.

20. **Pertama, pendekatan bottom-up mesti menjadi teras kerja kita.** Dasar tidak boleh digubal dari atas semata-mata, tetapi perlu berakar daripada realiti dan keperluan sebenar rakyat desa. Apabila suara rakyat didengar, mereka bukan sekadar penerima manfaat, tetapi rakan strategik Kerajaan dalam menjayakan pembangunan yang lebih tepat.

21. **Kedua, kita mesti beralih daripada mengira output kepada menilai outcome.** Kejayaan tidak diukur pada bilangan projek atau jumlah peruntukan, tetapi pada sejauh mana kehidupan rakyat benar-benar berubah. Soalan yang perlu kita jawab ialah:

Adakah pendapatan meningkat? adakah bantuan menjadikan rakyat lebih mandiri? dan Adakah intervensi kita menyelesaikan masalah sebenar di lapangan?

22. **Ketiga, pembangunan desa perlu diurus dengan minda korporat.** Ini bukan soal mengkomersialkan bantuan, tetapi memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan memberi pulangan nilai kepada rakyat. Ia menuntut **kecekapan, keputusan yang pantas, peranan dan garis masa yang jelas**, supaya apa yang kita lakukan bukan sekadar memenuhi tanggungjawab sosial, tetapi **menghasilkan a tangible outcome yang boleh diukur dan memberi nilai langsung kepada rakyat**.

23. **Keempat, kita memerlukan pendekatan komunikasi baharu yang membina kepercayaan.** Kejayaan dasar hari ini bukan sekadar pada pelaksanaan, tetapi pada keupayaan kita meyakinkan rakyat bahawa kerajaan benar-benar memahami dan membela mereka. Komunikasi mesti berjiwa, berfokuskan manusia, dan menceritakan perubahan sebenar yang dialami oleh rakyat desa.

24. **Kelima, saya mahu diwujudkan satu platform pemikiran strategik yang berfungsi sebagai *think tank* atau pusat penyelidikan desa.** Insya-Allah, platform ini akan menjadi rujukan dasar yang memandu gerak kerja kementerian secara lebih berfokus dan berasaskan bukti, di samping berperanan mendokumentasikan pencapaian

desa melalui penerbitan jurnal, laporan dan buku untuk tatapan umum.

25. **Keenam, selaras dengan pengisytiharan Hari Pembangunan Luar Bandar Sedunia pada 6 Julai oleh PBB, Malaysia akan memperkenalkan sambutan yang sama pada tahun ini.** Saya mahu sambutan ini selain mempromosi pembangunan luar bandar, ia juga perlu merangkumi aspek inovasi komuniti, pendigitalan desa dan pembangunan usahawan.

26. Ingatlah, di sebalik setiap data ada wajah, di sebalik setiap graf ada keluarga, dan di sebalik setiap keputusan ada harapan yang sedang menunggu. Data bukan sekadar statistik, tetapi suara rakyat yang mesti membangkitkan empati dan menggerakkan tindakan.

HALA TUJU 2026: PROGRAM BERORIENTASIKAN PEMBENTUKAN MASA DEPAN

Hadirin sekalian,

27. Saya mahu tahun 2026 menjadi **tahun pemantapan dan peneguhan keutamaan**, bukan sekadar pengembangan. Kita tidak lagi boleh berpuas hati dengan menambah program atau memperluas skop semata-mata. Apa yang dituntut ialah keberanian untuk memperhalusi keutamaan,

memperkemas pelaksanaan dan memastikan setiap intervensi benar-benar membentuk masa depan masyarakat desa.

28. Atas kesedaran ini, saya gariskan **lima fokus utama hala tuju KKDW 2026**. **Pertama adalah ‘People’, di mana mobiliti sosial menjadi terasnya.** Pembangunan desa mesti bermula dengan manusia. Belia desa tidak boleh terus mewarisi keterbatasan, sebaliknya mesti mewarisi peluang yang luas terhidang. Wanita, OKU dan golongan rentan perlu diberi ruang, kemahiran dan kepercayaan untuk membina kehidupan yang lebih berdaya tahan.

29. **Kedua adalah ‘Place’, di mana desa dilihat sebagai kluster pertumbuhan.** Pembangunan **hab pelaburan desa** perlu dijadikan **gagasan baharu KKDW** yang dipacu oleh data dan teknologi, serta dibangunkan secara desentralisasi berasaskan potensi dan kekuatan setempat.

30. **Ketiga adalah ‘Productivity’, dengan tumpuan kepada pendapatan yang stabil dan berterusan.** Produktiviti mesti diterjemahkan kepada peningkatan pendapatan sebenar melalui usaha menaikkan skala usahawan desa merangkumi pengukuhan kemahiran pengurusan,

pendigitalan, inovasi produk, penjenamaan serta akses kepada pembiayaan dan rantaian nilai.

31. **Keempat adalah ‘Prosperity’, yang menekankan aspek kesejahteraan.** Kemakmuran yang kita dambakan bukan kemewahan sementara, tetapi kesejahteraan menyeluruh - ekonomi yang adil, komuniti yang seimbang dan keluarga yang tenang. Inilah kemakmuran yang menguatkan desa dan memakmurkan negara secara berterusan.

32. **Kelima adalah ‘Prophetic’, berasaskan nilai Rasulullah SAW sebagai pedoman kepimpinan.**
Allah SWT berfirman dalam Surah Hud, ayat 61: *“Dialah yang menciptakan kamu dari bumi dan menjadikan kamu sebagai pemakmurnya.”*

Ayat ini meletakkan amanah memakmurkan bumi sebagai tanggungjawab manusia. Nilai kepimpinan Rasulullah SAW mesti membimbing perancangan dan pelaksanaan kita, agar dalam mengejar kemajuan duniawi, dimensi ukhrawi terus dipelihara demi membina negara yang seimbang dan diberkati.

33. InsyaAllah, apabila **5P** ini diterapkan dengan hala tuju yang jelas dan niat yang ikhlas, pembangunan desa tidak hanya diukur melalui angka dan laporan tetapi melalui kehidupan yang lebih bermaruah, harapan yang kembali

menyala, dan keyakinan rakyat bahawa mereka tidak pernah dilupakan.

PENUTUP

Amanah, Harapan dan Keyakinan

Warga KKDW sekalian,

34. Setiap jalan yang kita bina, setiap rumah yang kita baiki, setiap anak desa yang kita angkat martabatnya - di situlah makna sebenar perkhidmatan awam. Di situlah nilai kita diuji, dan di situlah negara sedang dibentuk, perlahan tetapi pasti.

35. Ingatlah, desa bukan beban negara, tetapi aset strategik Malaysia. Apabila usaha kita tidak sampai, manfaat tidak dirasai. Apabila pelaksanaan tidak dituntaskan, keyakinan akan terhakis. Dan apabila amanah dipandang ringan, misi membangunkan desa akan seakan *rumah siap, pahat masih berbunyi.*

36. Saya yakin, dengan pemikiran baharu, semangat baharu dan kesatuan pasukan, **tahun 2026 akan menjadi tahun kita memimpin perubahan dengan lebih berani, berfokus dan berkesan**.

Sekian, terima kasih.